

BULETIN ICT MOT

Bil. 1
2019

AWAS!
**SCAM
ALERT**

ms
4



Phishing Emel

ms
5



Penaung

ENCIK MOHD ZUKI BIN MOHD ZAIN

Ketua Editor

ENCIK MOHD HAIRIL BIN MHD ALI

Rekabentuk

ENCIK RAMLEE BIN ATAN

Sumbangan bahan

ENCIK SUBRAMANI A/L PAIDUTHALY

ENCIK ANNUR HADI BIN HASHIM

ENCIK MOHD SURIZALMAN BIN MOHD ZAIN

PUAN NOR FAZILLAH BINTI MOHD MASRI

ENCIK SHARIZA AIZAT BIN AZMAN

ENCIK MUHAMMAD ARIB BIN SHAMSHIR

ENCIK RAMLEE BIN ATAN



ms
1

Program PC Percuma



ms
2

Pembahagian Storan PC



ms
3

Mengesan Lokasi Telefon



ms
6

Polisi Kata Laluan



ms
7

Apa itu USB OTG

10

Program Percuma Untuk Aplikasi PC

Pelbagai program PC yang boleh diperoleh di laman web pada ketika ini. Antara program-program yang mampu menarik minat pengguna PC adalah program yang disediakan secara percuma.

1

antivirus dan malware protection

Avast – adalah perisian program untuk kegunaan antivirus yang boleh diperolehi secara percuma

Malwarebytes – adalah perisian program untuk kegunaan perlindungan spyware dan malware



2

Browser

Google Chrome – program ini boleh diperolehi secara percuma untuk mengakses kandungan laman web di Internet.

Mozilla Firefox – Program pelayar ini juga boleh diperolehi dan diguna secara percuma untuk melayari kandungan Internet.



Program Backup Solution

Dropbox – Tahukah anda dropbox boleh digunakan sebagai online backup solution. Perkhidmatan dropbox boleh digunakan secara percuma dengan kapasiti yang rendah bagi tujuan backup

3



4

Compression tools

7zip – adalah program kecil untuk compress data dan boleh diperolehi dan diguna secara percuma



7

FTP, SFTP dan SSH

Filezilla – adalah sebuah program yang dibangunkan untuk download dan upload data ke server yang boleh diperolehi secara percuma



5

DVD burner

CDBurnerXP – merupakan satu program yang boleh diperolehi secara percuma untuk menerapkan data ke dalam DVD yang kosong



Emel



6

Gmail – merupakan e-mel secara online yang boleh didaftarkan secara percuma untuk perkhidmatan e-mel. Mempunyai kapasiti yang besar dan digemari ramai.

Image editor/Paint program/ Picture organizer

GIMP – program image editor percuma yang boleh digunakan

Paint.net – program untuk lukisan secara percuma

Google photo – program menstrukturkan gambar-gambar secara online yang boleh diperolehi secara percuma

8



9

Multimedia



Audacity – adalah program percuma untuk mengedit audio

VLC / MPC-HC – adalah program percuma untuk mengedit video

10

Aplikasi Office atau nota

Openoffice – adalah sebuah program yang percuma untuk kegunaan pejabat seperti Microsoft Word, Power Point dan lain-lain.

Notepad++ - adalah sebuah program percuma untuk membuat nota.




1


Pembahagian Storan Komputer Dalam Windows

Pembahagian storan (Disk Partition) adalah salah satu cara penyimpanan dokumen secara sandaran (backup) di dalam komputer. Adalah digalakkan dokumen dan data disimpan ke dalam bahagian storan yang berlainan didalam storan komputer agar dapat mengurangkan risiko dokumen terjejas atau hilang.


Berikut adalah langkah-langkah mudah dan ringkas untuk membuat pembahagian storan didalam Windows.



1. Klik START, taip run dan seterusnya klik ENTER.
2. Dalam ruangan Open, taip *compmgmt.msc* dan seterusnya klik ENTER.
3. Tetingkap Computer Management akan dipaparkan.
4. Dalam senarai menu sebelah, pilih Disk Management.
5. Tetingkap akan memaparkan pembahagian storan (storage partition) sedia ada yang ada pada komputer.
6. Klik kanan pada storan pilihan dan klik Shrink Volume untuk tambah pembahagian/partition.
Nota tambahan: boleh juga tambah saiz pembahagian jika ada bahagian storan yang tidak digunakan -un allocated storage.
7. Sistem akan kenal pasti dan mencadangkan saiz maksimum yang boleh digunakan untuk pembahagian storan yang baru.
8. Selepas sistem memaparkan saiz maksimum, klik Shrink.
9. Seterusnya, sistem akan melakukan pembahagian dan perubahan pembahagian storan akan dipaparkan ke tetingkap utama Disk Management sebagai unallocated.



10. Bahagian storan yang baru perlu diformat dahulu untuk membolehkan ia digunakan. Klik kanan di bahagian storan berlabel unallocated dan pilih New Simple Volume.
11. Seterusnya, ikut arahan pada paparan dan ikut sahaja tetapan yang dicadangkan dan klik Finish.
12. Akhirnya, bahagian storan yang baru akan dipaparkan di tetingkap utama Disk Management.



Cara Mengesan Lokasi Telefon Bimbit Yang Hilang Menggunakan Device Application

Jika handphone hilang jangan terus 'call'

Jangan membuat panggilan pada handphone tersebut KECUALILAH anda pasti handphone tersebut hanya hilang dalam rumah sahaja. Dalam erti kata lain anda lupa di mana handphone tersebut diletakkan. Terdapat kebarangkalian besar telefon anda diambil, dijumpai dan disimpan oleh individu yang tidak bertanggungjawab atau secara ringkasnya, dicuri. Jika anda membuat panggilan, si pencuri akan mematikan handphone anda seterusnya menutup peluang anda untuk menjejaki lokasi handphone tersebut.

Pengguna Android




Gunakan 'Android Device Manager'

1. Muat turun aplikasi daripada Google Play

Jika handphone anda tidak dimatikan dan masih mempunyai sambungan Internet, Android Device Manager akan memberikan lokasi kedudukan handphone tersebut.

Terdapat juga beberapa pilihan yang boleh anda buat seperti:

- i. Ring – Membunyikan handphone anda
 - ii. Lock – Mengunci dan,
 - iii. Erase – Memadam data sensitif.
2. Teknologi Google juga membolehkan anda mengesan kedudukan handphone anda (android) dengan hanya menaip perkataan "Find my phone" dalam Google Search dengan syarat anda mestilah sudah sedia login dalam akaun google anda.



Pengguna IOS

1. Pergi ke halaman icloud.com dan login menggunakan iCloud account anda.
2. Pilih dan klik 'Find iPhone' pada menu utama dan kemudian klik pada 'All Devices' pada bahagian atas browser anda.
3. Pilih nama iPhone anda untuk memaparkan kedudukan semasa. Anda boleh 'Zoom in' untuk kedudukan yang lebih jelas.

Terdapat beberapa pilihan yang boleh anda buat seperti:-

- i. play sound – membuatkan handphone anda berdering
- ii. Lost mode – masukkan no telefon. No telefon akan terpapar pada screen iPhone anda.
- iii. Erase – Anda boleh memadamkan data yang ada pada handphone anda.

AWS!

Berwaspadalah dengan penipuan dan jangan mudah terpedaya. Kenali jenis-jenis penipuan.





PARCEL SCAM

Victim “falls in love” with suspect via social media and is promised a parcel as proof of their love. A “customs officer” or courier company will contact the victim, demanding a tax or insurance fee for the parcel. Victim fails to receive parcel and the syndicate continues to ask for money from victim.

BLACK MONEY SCAM

Victim “falls in love” with suspect via social media and is promised a parcel as proof of their love. A “customs officer” or courier company will contact the victim, demanding a tax or insurance fee for the parcel. Victim fails to receive parcel and the syndicate continues to ask for money from victim.



LOVE SCAM

Victim starts relationship through the Internet. “Lover” expresses wish to marry victim in Malaysia BUT IS “ARRESTED” upon arrival. Victim will be asked by suspect or syndicate members to pay for suspect’s release.

MACAU SCAM

Masterminds are usually foreigners with links in several ASEAN countries, including Indonesia, Laos, Cambodia, and the Philippines. Posing as a police or bank officer, the fraudster contacts a prospective victims and says the he or she is wanted for criminal offences such as money laundering or funding terrorism. Victims, desperate to have their criminal records erased by Bukit Aman or Bank Negara, transfer money into the fraudsters’ accounts.



INVESTMENT SCAM

Comes in many forms from a phone call offering an investment opportunity to an e-mail encouraging victims to buy shares. Victims are offered early access to a super gambling software or promised large tax deductions or refunds.

Phishing Emel


Apa yang dimaksudkan dengan phishing e-mel???




Amalan penipuan menghantar e-mel yang berasal dari individu atau syarikat yang bereputasi untuk mendorong individu untuk mendedahkan maklumat peribadi, seperti kata nama, kata laluan dan nombor kad kredit.



Tahukah anda,
MOT pernah menerima e-mel
phishing seperti dibawah?



Mungkin anda adalah salah seorang yang telah menerima e-mel seperti ini. Jika klik lampiran (attachment) yang tertera di e-mel tersebut dan page seperti di bawah akan dibuka.



Jika maklumat seperti e-mel, username dan password diisi, maka penggadam akan menerima maklumat tersebut dan penggadam akan mengakses e-mel mangsa melalui webmail kementerian. Jika anda adalah mangsa seperti ini, anda dinasihatkan untuk menukarkan kata laluan dengan kadar segera dan memaklumkan perkara ini kepada Unit OKI, Bahagian Pengurusan Maklumat.



Polisi Asas Kata Laluan di MOT

a) Jumlah minimum kata laluan adalah 8 karakter (gabungan abjad A hingga Z, nombor 0 hingga 9 dan simbol). Contoh Password yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- i. P@ssw0rd
- ii. myM0t@2013
- iii. MyM@laYsi@
- iv. Rizal#2020

Perlu ditukar setiap 120 hari daripada tarikh kata laluan terbaru ditukar.



b) Jumlah ingatan kata laluan adalah 4 kali (bermaksud kata laluan yang di 'set' kan pada kali pertama hanya boleh digunakan selepas kali ke-4 Kata Laluan ditukar)

Bagaimana
untuk menukar
kata laluan?

1
Menggunakan komputer desktop atau Notebook masing-masing (Sila pastikan anda berada di dalam pejabat MOT). Sila buka Microsoft Outlook , tekan 'Ctrl+Alt+Delete' pada keyboard dan pilih 'Change a Password', kemudian masukkan 'Old Password' dan 'New Password & Confirm Password' dan tekan butang 'Enter';

ATAU

2
Menggunakan Webmail dan berada sama ada di dalam atau luar pejabat. Sila akses- <https://mail.mot.gov.my/owa/> kemudian masukkan 'Username' dan 'Password' sehingga terdapat paparan 'inbox'. Kemudian pilih butang 'options' di sebelah kanan atas, dan tekan 'Change Your Password'. Selepas itu, masukkan 'Current Password' dan 'New Password & Confirm New Password'. Setelah selesai, tekan butang 'Save'.

Tapi jangan lupa apabila anda telah melaksanakan langkah di no. 2, anda perlu mengemas kini password baru yang telah ditukar di SmartPhone/ IPad/ Samsung Tab/Blackberry dan sebagainya (Sekiranya anda menggunakan e-mel MOT pada peranti tersebut)



Sekiranya anda masih keliru atau tidak pasti, bolehlah kemukakan sebarang persoalan ke meja bantuan BPM melalui pautan berikut dan kami sedia membantu sehingga anda berjaya menukar kata laluan anda <http://intranet/helpdesk/Lists/servicerequests/NewForm.aspx>

Apa itu USB OTG dan Kelebihannya

USB OTG atau USB *On-The-Go* merupakan satu standard yang membolehkan peranti mudah alih seperti telefon pintar ataupun tablet untuk terus mengakses pemacu kilat USB (USB Flash Drive) untuk membaca, menyunting ataupun memindahkan kandungan yang terdapat di dalamnya. Ini bermakna anda tidak lagi perlu menggunakan komputer untuk memindahkan fail dari pemacu kilat USB ke telefon pintar ataupun tablet, kerana ia boleh terus diakses pada bila-bila masa dan di mana jua anda berada.



Apa Yang Boleh Anda Lakukan Dengan USB OTG?!

1

Sambungan Pemacu Kilat USB

Perkara paling utama dan tipikal yang biasa untuk menggunakan fungsi USB OTG adalah menyambungkan pemacu kilat USB terus ke telefon pintar ataupun tablet anda. Jika sebelum ini proses sambungan pemacu kilat USB perlu dibuat dengan bantuan adapter USB OTG, kini sudah terdapat pelbagai pilihan pemacu kilat USB yang didatangkan sekali dengan sokongan sambungan microUSB ataupun USB Type-C. Ini bermakna pemacu kilat USB itu boleh terus disambungkan ke peranti mudah alih anda dengan mudah.



2

Sambungan Tetikus Atau Papan Kekunci

Sokongan USB OTG bermaksud ia juga turut dilengkapi dengan fungsi USB Host yang mana membolehkan anda untuk menyambungkan perkakasan asas komputer iaitu tetikus dan papan kekunci ke telefon pintar atau tablet. Tanpa perlu mengaktifkan sebarang tetapan, anda hanya perlu menyambungkan tetikus atau papan kekunci dan terus menggunakannya seperti biasa.



3

Sambungan Alat Kawalan Permainan Atau MIDI

Selain perkakasan asas komputer, anda juga sebenarnya boleh menyambungkan lebih banyak peralatan seperti alat kawalan permainan ataupun MIDI (Musical Instrument Digital Interface). Ini bermakna anda sebenarnya boleh menggunakan peralatan multimedia seperti input audio untuk muzik atau input kawalan untuk menikmati pengalaman bermain yang jauh lebih baik berbanding menggunakan input sentuhan pada skrin telefon pintar ataupun tablet anda.

